

Chairman's Statement

Perutusan Pengerusi



DIALOG has once again achieved remarkable results for the financial year ended 30 June 2002.

DIALOG telah sekali lagi mencapai keputusan yang memberangsangkan bagi tahun kewangan berakhir 30 Jun 2002.

Chairman's Statement (continued)

Perutusan Pengerusi (sambungan)

On behalf of the Board of Directors, I am pleased to report that amidst a background of the world's slow economic growth and an increasingly competitive and dynamic business sector we are in, DIALOG has once again achieved remarkable results for the financial year ended 30 June 2002.

The Group has been honoured by its inclusion as a component stock of the Kuala Lumpur Stock Exchange Composite Index (KLSE CI) with effect from Monday, 22 April 2002. The contributing factors to the inclusion are the Company's strong and stable profit track record, high standard of corporate governance, conduct, disclosure and transparency.

As part of our effort to enhance the Group's competitiveness we are continuing to acquire innovative technology as well as the industry's best practices from our alliance partners and principals through training and technology transfer.

FINANCIAL PERFORMANCE

The Group closed its financial year 2002 with a recorded increase of 23% in profit before tax from RM61.2 million last financial year to RM75.3 million. The Group's profit after tax jumped 31% from RM41.4 million last financial year to RM54.3 million. Correspondingly, the Group's earnings per share stood at 52 sen per share for the financial year ended 2002, a 30% growth as compared to 40.1 sen registered for the previous financial year.

As at 30 June 2002, the Group's shareholders' funds stood at RM196.8 million, a 35% growth, while its net tangible asset per share stood at RM1.87.

The better performance achieved in the financial year 2002 was mainly attributed to higher project revenue following the successful completion of some major projects as well as higher contribution from both marketing and technical services division and its associated company.

REVIEW OF OPERATIONS

Marketing and Technical Services

The Marketing Division continued to show strong growth during financial year 2002, with Shell MDS Sarapar/Saraline drilling base oil, CONOCO LiquidPower™ Flow Improvers and ICI Syntetix Catalysts continuing to be key product contributors. In addition, the division also introduced CONOCO's Hydroclear® Hydrocracked Synthetic Lubricants into the consumer market in March 2002.

Bagi pihak Lembaga Pengarah, saya dengan sukacitanya melaporkan bahawa di tengah-tengah kelembapan perkembangan ekonomi dunia serta dengan bertambahnya daya saingan dan perniagaan yang dinamik di sektor ini, Dialog telah sekali lagi mencapai keputusan yang memberangsangkan bagi tahun kewangan berakhir 30 Jun 2002.

Kumpulan telah diberi penghormatan dengan kemasukannya sebagai stok komponen dalam Indeks Komposit Bursa Saham Kuala Lumpur (KLSE CI) berkuatkuasa dari Isnin, 22 April 2002. Faktor-faktor yang menyumbang kepada kemasukan ini adalah rekod pencapaian Syarikat yang kukuh dan keuntungan yang stabil serta piawaian tadbir urus korporat, tatalaku, pendedahan dan ketelusan yang tinggi.

Sebagai sebahagian dari usaha kami untuk mempertingkatkan daya saingan Kumpulan, kami sentiasa cuba memperolehi teknologi inovatif serta amalan-amalan terbaik industri dari rakan perikatan serta prinsipal-prinsipal melalui latihan dan pemindahan teknologi.

PRESTASIKEWANGAN

Kumpulan telah menutup tahun kewangan 2002 dengan mencatat pertambahan sebanyak 23% bagi keuntungan sebelum cukai dari RM61.2 juta pada tahun kewangan yang lalu, kepada RM75.3 juta pada tahun ini. Keuntungan selepas cukai telah meningkat 31% dari RM41.4 juta pada tahun kewangan lalu kepada RM54.3 juta. Sehubungan dengan itu, pendapatan sesaham Kumpulan berada pada tahap 52 sen sesaham bagi tahun kewangan berakhir Jun 2002, meningkat 30% berbanding 40.1 sen yang dilaporkan pada tahun kewangan sebelumnya.

Sehingga 30 Jun 2002, dana pemegang saham Kumpulan adalah RM196.8 juta, meningkat 35%, manakala aset ketara bersih sesaham pula berada pada RM1.87.

Pencapaian prestasi yang baik bagi tahun kewangan 2002 adalah disebabkan oleh perolehan projek yang lebih tinggi berikutan kejayaan penyempurnaan beberapa projek besar serta sumbangan yang lebih tinggi dari jabatan pemasaran dan perkhidmatan teknikal dan syarikat-syarikat bersekutu.

TINJAUAN OPERASI

Pemasaran dan Perkhidmatan Teknikal

Bahagian Pemasaran terus menunjukkan perkembangan yang kukuh di sepanjang tahun kewangan 2002 dengan minyak asas penggerudian Shell MDS Sarapar/Saraline, CONOCO LiquidPower™ Flow Improvers dan Pemangkin Syntetix ICI terus menjadi penyumbang produk utama. Di samping itu, bahagian ini juga telah memperkenalkan Minyak Pelincir Sintetik CONOCO Hydroclear® Hydrocracked ke dalam pasaran pengguna pada Mac 2002.

Chairman's Statement (continued)

Perutusan Pengerusi (sambungan)

With the Group's commitment to continuous acquisition, training and advanced technological transfer of specialist technical skills, the Division is able to focus on marketing niche specialist technical services, namely Tracerco's Radioisotope Diagnostic Services and Technivac catalyst changeout services.



Regionally, the Division has successfully supplied and provided product and services, ranging from ICI Synetix catalysts products in Indonesia to Shell MDS Sarapar/Saraline drilling base oil, CONOCO LiquidPower™ Flow Improvers and Orient Chemical Maxol dyes oil in Thailand.

In addition, the Division has set up a workshop at Rayong, Thailand, providing catalyst handling and Tracerco Radioisotope Diagnostic Services. The division has also successfully secured their first contract for Tracerco Radioisotope Diagnostic Services in offshore Indonesia.

Plant Maintenance Services

The last financial year saw continued growth in the sales of the specialist services in the Plant Maintenance Division. During the year, the Division has successfully carried out three major turnaround/shutdown for PETRONAS Aromatics, Kertih Terminals - BOG System and Shell Port Dickson. Other works secured includes mechanical, electrical and instrumentation works in the Kertih and Kuantan area. With the strategic location of our workshop in Kertih and the extensive range of general and specialist services and equipment, we are able to support and provide "one stop" services to all the petrochemical plants in the area at a faster response time and in emergency situations.

Dengan komitmen Kumpulan untuk terus membuat pemerolehan latihan dan pemindahan teknologi yang tinggi dari pakar-pakar kemahiran teknikal, Jabatan ini berupaya untuk memberi tumpuan ke arah memasarkan perkhidmatan kepakaran teknikal yang sesuai, iaitu Perkhidmatan Diagnostik Radioisotop Tracerco dan Perkhidmatan Penggantian Pemangkin Technivac.

Secara regionalnya, Jabatan ini telah berjaya menyediakan dan membekalkan rangkaian produk dan perkhidmatan bermula dari produk-produk pemangkin Synetix ICI ke Indonesia kepada minyak asas penggerudian Shell MDS Sarapar/Saraline, CONOCO LiquidPower™ Flow Improvers dan minyak pencelur Orient Chemical Maxol ke Thailand.

Di samping itu, Jabatan ini juga telah mendirikan sebuah bengkel di Rayong, Thailand, yang menyediakan pengendalian pemangkin dan Perkhidmatan Diagnostik Radioisotop Tracerco. Jabatan ini juga telah berjaya mendapat kontrak pertama mereka bagi Perkhidmatan Diagnostik Radioisotop Tracerco di luar pesisir di Indonesia.

Perkhidmatan Penyelenggaraan Loji

Tahun kewangan lalu telah menyaksikan pertumbuhan yang berterusan dalam penjualan perkhidmatan khusus di Bahagian Penyelenggaraan Loji. Di sepanjang tahun tersebut, Bahagian ini telah berjaya melaksanakan tiga kerja utama membaik-pulih bagi PETRONAS Aromatics, Kertih Terminals - Sistem BOG dan Shell Port Dickson. Projek-projek lain yang telah diperolehi merangkumi kerja-kerja mekanikal, elektrik serta instrumentasi di kawasan Kertih dan Kuantan. Dengan lokasi bengkel yang strategik di Kertih di samping rangkaian perkhidmatan am dan khusus serta peralatan yang meluas, kami berupaya untuk menyokong dan menyediakan perkhidmatan "sehenti" untuk semua loji petrokimia di kawasan tersebut pada kadar respon yang lebih cepat dan juga di dalam situasi kecemasan.

Kini, dua kontrak, Perkhidmatan Penyelenggaraan Loji OPTIMAL dan Penyelenggaraan Loji Am Teknik Janakuasa Sdn Bhd (TJSB) di CUF, PETRONAS bagi penyelenggaraan am sedang dalam pelaksanaan. Kontrak penyelenggaraan am untuk OPTIMAL merangkumi waranti pertama kerja-kerja membaik-pulih loji yang dijadual pada Suku Pertama 2003 dan kini sedang dalam peringkat persiapan.

Selaras dengan rancangan untuk mengembangkan Bahagian ini, terdapat pertambahan bilangan kakitangan terlatih dan juga peningkatan pengeluaran peralatan pengendalian pemangkin. Ini membolehkan Jabatan ini memberikan perkhidmatan yang lebih baik kepada pelanggan-pelanggan di seluruh Malaysia, Singapura,

Chairman's Statement (continued)

Perutusan Pengerusi (sambungan)

At present, two contracts, OPTIMAL Plant Maintenance Services and Teknik Janakuasa Sdn Bhd (TJSB) General Plant Maintenance at CUF, PETRONAS, for general maintenance are in progress. The general maintenance contract for OPTIMAL include the first warranty turnaround scheduled for 1st Quarter 2003 and is currently in the preparation stage.

In line with the Division's expansion plans, there has been an increase in the number of personnel trained and the number of catalyst handling equipment. This enabled the Division to better serve our customers throughout Malaysia, Singapore, Indonesia and Thailand. As the requirement for such value added services increases in the market place, Dialog is poised to make even further inroads in the next financial year.

Engineering, Procurement, Construction and Commissioning (EPCC) Services

The EPCC Division has enjoyed yet another significant year with the successful completion and progressive hand-over of the Kertih Centralised Tankage Facilities (KCTF) Phase 2 project, the Third VCM Sphere project and the Propane & Butane Looping Pipeline project.

The current projects under various stages of execution include the remaining commissioning of KCTF Phase 2 project, BASF PETRONAS Butanediol (BDO) Complex project, EMEPMI Firewater Upgrade project and Construction of Service Stations.

Centralised Tankage Facility Services (CTF)

Kertih Terminals Sdn Bhd (KTSB), our associated company, is now in its third year of operations. KTSB owns and operates the first centralised tankage facility in Malaysia, providing integrated storage and distribution services for petrochemical plants in the Petronas Petroleum Industry Complex located in Kertih, Terengganu.

KTSB's performance thus far has been outstanding, with a total of 42 tanks, and a combined storage capacity of more than 400,000M³. The total throughput tonnage to date exceeds 3.1 million MT.

The Phase 2 facilities for Optimal Group of Companies have been commissioned in stages from mid 2001 and will be completed by 4th Quarter 2002.

Indonesia dan Thailand. Disebabkan keperluan bagi perkhidmatan tambah nilai yang sedemikian meningkat di pasaran, Dialog kini bersedia untuk berusaha dengan lebih gigih lagi pada tahun kewangan yang akan datang.

Perkhidmatan Kejuruteraan, Perolehan, Pembinaan dan Pentauliahan (EPCC)

Bahagian EPCC telah menikmati satu lagi tahun yang penuh bermakna dengan penyempurnaan projek Talian Paip Propana dan Butana serta penyerahan secara berperingkat projek Kemudahan Tangki Berpusat Kertih (KCTF) Fasa 2, projek Sfera VCM Ketiga dan projek Talian Paip Propana dan Butana.

Projek-projek semasa yang kini sedang berada di berbagai peringkat pelaksanaan termasuklah baki pentauliahan projek KCTF Fasa 2, projek Kompleks BASF PETRONAS Butanediol (BDO), projek Menaiktaraf EMEPMI "Firewater" dan pembinaan Stesyen Servis Minyak.



Perkhidmatan Kemudahan Tangki Berpusat (CTF)

Kertih Terminals Sdn Bhd (KTSB), syarikat bersekutu kami, kini telah tiga tahun beroperasi. KTSB memiliki dan mengendalikan kemudahan tangki berpusat yang pertama di Malaysia, yang menyediakan gabungan perkhidmatan penyimpanan dan pengagihan kepada loji-loji petrokimia di Kompleks Industri Petroleum Petronas di Kertih, Terengganu.

Prestasi KTSB setakat ini amat membanggakan, dengan jumlah tangki sebanyak 42 buah serta keupayaan gabungan penyimpanan melebihi 400,000M³. Jumlah keseluruhan daya pemrosesan secara tan kini melebihi 3.1 juta MT.

Chairman's Statement (continued)

Perutusan Pengerusi (sambungan)

Petroleum Retail

Our first double-storey ProJET "Superstation" at Jalan Semenyih, Kajang commenced its operation in November 2001, and thus far, has been well received by the community and customers. The multitude of services and facilities at the Superstation has given us the rare honour of being listed in the Malaysia Book of Records for the "largest retail services in a petrol station" on 11 March 2002.

We are also happy to report that our second ProJET station at Senawang, Negeri Sembilan has opened for business in July 2002 and is also well received.

Looking ahead into 2003, two new sites in Banting, Klang and Gombak, Selangor are awaiting final building plan approvals to commence construction while a third site in Seremban, Negeri Sembilan is pending land conversion approval.



HUMAN RESOURCE DEVELOPMENT

The Group regards investment in human resource development as of utmost importance. In order to successfully acquire best practices and innovative technology, the Group has continued to train our engineers, supervisors and technicians both locally and overseas in various specialist fields including on-the-job training and job assignments in United Kingdom and North Sea.

HEALTH, SAFETY AND ENVIRONMENT (HSE)

I am pleased to report, for the financial year, the Group clocked approximately 5.6 million manhours. In addition, our subsidiary, Dialog E & C Sdn Bhd, was honoured with the presentation of the Merit Award for the PETRONAS HSE Management Award 2001/2002 (Maintenance Contractors' Category).

Kemudahan-kemudahan Fasa 2 bagi Syarikat-syarikat Kumpulan Optimal telahpun ditauliahkan secara berperingkat dari pertengahan 2001 dan akan disempurnakan pada Suku Keempat 2002.

Peruncitan Petroleum

ProJET "Superstation" dua tingkat kami yang pertama di Jalan Semenyih, Kajang telah mula beroperasi pada bulan November 2001, dan sehingga kini, mendapat sambutan yang baik dari komuniti sekeliling dan pelanggan. Kemudahan dan perkhidmatan yang berbagai di "Superstation" ini telah memberikan kita suatu penghormatan yang luarbiasa dan telah disenaraikan di Malaysia Book of Records sebagai "perkhidmatan peruncitan terbesar di stesyen minyak" pada 11 Mac 2002.

Kami sukacita melaporkan bahawa stesyen minyak ProJET kedua di Senawang, Negeri Sembilan telah memulakan perniagaannya pada Julai 2002 dan juga mendapat sambutan yang baik.

Perancangan untuk tahun 2003, dua tapak baru di Selangor iaitu di Banting, Klang dan Gombak, Selangor kini dalam peringkat akhir kelulusan plan bangunan bagi memulakan pembinaan, manakala tapak ketiga di Seremban, Negeri Sembilan sedang menunggu kelulusan pertukaran syarat kegunaan tanah.

PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA

Kumpulan meletakkan pelaburan dalam pembangunan sumber manusia sebagai yang terpenting. Di dalam memastikan teknologi inovatif dan amalan terbaik diperolehi, Kumpulan secara berterusan melatih jurutera-jurutera, penyelia-penyelia dan juruteknik-juruteknik di dalam dan luar negara di pelbagai bidang pengkhususan termasuk latihan-dalam-kerja serta pertugasan sementara di United Kingdom dan Laut Utara.

KESIHATAN, KESELAMATAN DAN PERSEKITARAN (HSE)

Saya dengan sukacitanya melaporkan, pada tahun kewangan ini, Kumpulan telah mencatat hampir 5.6 juta jam kerja. Di samping itu, subsidiari kami, Dialog E & C Sdn Bhd, telah mendapat penghormatan dengan penerimaan Anugerah Merit bagi Anugerah Pengurusan HSE PETRONAS 2001/2002 (Kategori Kontraktor Penyelenggaraan).

Chairman's Statement (continued)

Perutusan Pengerusi (sambungan)

QUALITY ASSURANCE

The Group's continuous commitment in providing and upholding the highest quality of products and services is reflected in the implementation and renewal of ISO certifications. Hence, I am pleased to report that Dialog Systems Sdn Bhd and Dialog Systems Pte Ltd were accredited with the renewal of ISO 9002:1994 certification and ISO 9001:2000 certification respectively. In addition, Dialog E & C Sdn Bhd was accredited with the renewal of its ISO 9001:1994 certification and United Kingdom Accreditation Services (UKAS).

Dialog Plant Services Sdn Bhd is also underway with the implementation of a Quality System to ISO 9001-2000 with certification scheduled for June 2003.

CORPORATE GOVERNANCE

DIALOG fully supports and subscribes to good corporate governance and is committed to ensuring that the Group is managed with integrity, transparency and accountability. These have always been recognised as DIALOG's key responsibilities in order to create value for its stakeholders and to protect the Group's assets. The Board has continued to take appropriate steps to further improve upon the Group's best practices by adhering to the recommendations of the Malaysian Code on Corporate Governance.

CORPORATE CREDIT RATING

The Group's Corporate Credit Rating of "AA-" (Double A minus) by Malaysian Rating Corporation Berhad (MARC) has been maintained for four consecutive years from 1999 to 2002. The Group intends to continue with the annual assessment and evaluation to be undertaken by MARC to evaluate management strategies, policies and financial strength of the Group.

JAMINAN KUALITI

Kumpulan terus memberikan komitmen dalam menyediakan dan mengekalkan kualiti yang terbaik bagi produk dan perkhidmatan. Ini diperlihatkan melalui pelaksanaan dan pembaharuan pengiktirafan ISO. Oleh itu, sukacita saya melaporkan bahawa Dialog Systems Sdn Bhd dan Dialog Systems Pte Ltd telah menerima pembaharuan sijil ISO 9002:1994 dan ISO 9001:2000. Di samping itu, Dialog E & C Sdn Bhd juga telah menerima pembaharuan sijil ISO 9001:1994 serta Perkhidmatan Akreditasi United Kingdom (UKAS).

Dialog Plant Services Sdn Bhd juga sedang dalam peringkat melaksanakan Sistem Kualiti ISO 9001-2000 dengan pengiktirafan dijangka diberikan pada bulan Jun 2003.

TADBIR URUS KORPORAT

DIALOG berpegang teguh pada tadbir urus korporat yang baik dan komited untuk memastikan Kumpulan diurus dengan jujur, telus dan bertanggungjawab. Ini sentiasa dikenalpasti oleh DIALOG sebagai tanggungjawab utamanya di dalam membentuk nilai untuk pemegang kepentingan dan melindungi aset Kumpulan. Lembaga terus mengambil langkah yang bersesuaian untuk memperbaiki amalan-amalan terbaik Kumpulan dengan mematuhi cadangan-cadangan yang terkandung di dalam Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia.



PENARAFAN KREDIT KORPORAT

Penarafan Kredit Korporat Kumpulan sebagai "AA-" yang diiktirafkan oleh Malaysian Rating Corporation Berhad (MARC) telah dikekalkan selama empat tahun berturut-turut dari tahun 1999 ke tahun 2002. Kumpulan berhasrat untuk meneruskan penilaian tahunan ini, yang akan dilakukan oleh MARC, bagi menilai strategi-strategi pengurusan, polisi-polisi serta kekuatan kewangan Kumpulan.

Chairman's Statement (continued)

Perutusan Pengerusi (sambungan)

CORPORATE DEVELOPMENT

During the financial year ended, DIALOG implemented a bonus issue of 1 new ordinary share for every 5 existing ordinary shares held. The bonus issue shares were successfully listed on 8 February 2002.

DIVIDENDS

In view of the satisfactory financial results achieved by the Group in the financial year under review, DIALOG has paid a First Interim Dividend of 4.0% (tax exempt) per ordinary share of RM1.00 each on 11 January 2002 and a Special Dividend of 5.0% (less income tax) per ordinary share of RM1.00 each, on 3 June 2002. Our Board of Directors has also recommended the payment of a Final Dividend of 4.0% (less income tax), which, if approved by the shareholders at the Fourteenth Annual General Meeting, will be paid on 20 December 2002.

PROSPECTS

The overall market conditions for EPCC contracts in the oil, gas and petrochemical industry in Malaysia will remain difficult given that there is a slowdown in major investment in greenfield projects. As the Group anticipates a decline in revenue in the short term, we are confident that shifting towards more value added technical services will provide long term recurring income.

The road ahead foresees the Group strengthening the specialist technical services expertise of our workforce through in-house and on-the-job training both locally and overseas. In addition, the Group continues to focus on providing quality customer service by setting up workshop facilities in Nilai, Kuantan, Kertih and Thailand.

PEMBANGUNAN KORPORAT

Di sepanjang tahun kewangan ini, DIALOG telah melaksanakan terbitan bonus dengan memberikan 1 saham baru bagi setiap 5 saham biasa sedia ada yang dipegang. Saham-saham terbitan bonus ini telah berjaya disenaraikan pada 8 Februari 2002.

DIVIDEN

Memandangkan keputusan kewangan yang memuaskan telah dicapai oleh Kumpulan pada tahun kewangan ini, DIALOG telah membayar Dividen Interim Pertama sebanyak 4.0% (dikecualikan cukai) bagi setiap RM1.00 saham biasa pada 11 Januari 2002 dan Dividen Khas sebanyak 5.0% (dikurangkan cukai pendapatan) bagi setiap RM1.00 saham biasa pada 3 Jun 2002. Lembaga Pengarah juga mencadangkan bayaran Dividen Akhir sebanyak 4.0% (dikurangkan cukai pendapatan), yang mana sekiranya diluluskan oleh para pemegang saham pada Mesyuarat Agung Tahunan Keempatbelas, akan dibayar pada 20 Disember 2002.

PROSPEK

Keadaan pasaran bagi kontrak-kontrak EPCC dalam industri minyak, gas dan petrokimia di Malaysia pada keseluruhannya akan terus meruncing berikutan kelembapan dalam pelaburan utama bagi projek-projek greenfield. Memandangkan Kumpulan menjangkakan penurunan dalam perolehan jangka pendek, kami yakin bahawa perpindahan kepada perkhidmatan teknikal tambah nilai akan memberikan pendapatan berterusan untuk jangka panjang.

Melangkah ke hadapan, Kumpulan akan memperkukuhkan kepakaran perkhidmatan teknikal terkhusus bagi tenaga kerjanya, menerusi latihan dalaman dan latihan-dalam-kerja di dalam dan luar negara. Di samping itu, Kumpulan terus memberi tumpuan kepada penyediaan perkhidmatan pelanggan berkualiti dengan menyediakan kemudahan-kemudahan bengkel di Nilai, Kuantan, Kertih dan Thailand.

Chairman's Statement (continued)

Perutusan Pengerusi (sambungan)

In pursuing the Group's vision as a regional player, we have entered into an Equity Joint Venture Contract with Shanghai Chemical Industry Park Development Co., Ltd and Shanghai Chemical Industry Park Investment Co., Ltd on 8 September 2002. The venture is to invest, construct, operate and maintain a dedicated common piperack infrastructure and interplant pipelines for the liquid and gas raw materials and products such as natural gas, industrial gas and light fuel oil, utility pipelines and common product pipelines to customers within the Shanghai Chemical Industry Park. This venture depends on the offtake agreements to be signed with the customers and technical services agreement to be signed with Dialog E & C Sdn Bhd. The realisation of this project is in line with the Group's strategy to secure projects that provide long term recurring income for the Group.

Going forward, the Group remains committed as a multi-disciplinary technical service provider in the oil, gas and petrochemical industry, both regionally and globally. Our strong balance sheet and healthy cash flow position will enable the Group to pursue its strategy to venture into projects and investments that provide sustainable income.

APPRECIATION

On behalf of the Board of Directors, I would like to take this opportunity to extend our gratitude to our management and staff for their dedication and valuable contributions to the Group. To our customers, principals, joint venture partners and business associates, we thank them for their invaluable continuing support, encouragement and assistance.

Last but not least, I wish to express my appreciation to all shareholders who have given their trust and long-term support to DIALOG.

Di dalam mengejar visi Kumpulan sebagai penyumbang serantau, kami telah menandatangani satu Kontrak Usahasama Ekuiti dengan Shanghai Chemical Industry Park Development Co Ltd dan Shanghai Chemical Industry Park Investment Co Ltd pada 8 September 2002. Usahasama ini adalah untuk pelaburan, pembinaan, operasi, penyelenggaraan satu infrastruktur "common piperack" tersendiri dan saluran paip antara loji untuk bahan-bahan mentah dan produk-produk cairan dan gas seperti gas asli, gas industri, minyak pembakar ringan, saluran paip utiliti dan saluran paip produk biasa kepada pelanggan-pelanggan dalam lingkungan Shanghai Chemical Industrial Park. Usahasama ini bergantung kepada perjanjian "offtake" yang akan ditandatangani dengan pelanggan-pelanggan dan perjanjian perkhidmatan teknikal yang akan ditandatangani dengan Dialog E & C Sdn Bhd. Projek ini direalisasikan sejajar dengan strategi Kumpulan untuk memperolehi projek-projek yang menyediakan pendapatan berterusan jangka panjang untuk Kumpulan.

Melangkah ke hadapan, Kumpulan sentiasa komited sebagai penyedia perkhidmatan teknikal pelbagai disiplin dalam industri minyak, gas dan petrokimia secara regional dan global. Lembaran imbalan kami yang teguh serta kedudukan aliran tunai yang sihat akan membolehkan Kumpulan untuk meneruskan strateginya untuk melibatkan diri di dalam projek-projek dan pelaburan-pelaburan yang memberikan pendapatan yang kukuh.

PENGHARGAAN

Bagi pihak Lembaga Pengarah, saya ingin mengambil peluang ini untuk merakamkan penghargaan kami kepada semua kakitangan dan pihak pengurusan di atas dedikasi dan sumbangan berharga yang diberikan kepada Kumpulan. Kepada para pelanggan, rakan-rakan prinsipal, rakan-rakan kongsi & niaga, kami mengucapkan terima kasih di atas sokongan, galakan dan bantuan yang berterusan dan tidak ternilai daripada mereka.

Akhir sekali, saya ingin menyatakan penghargaan kepada para pemegang saham yang telah memberikan kepercayaan serta sokongan yang berterusan kepada DIALOG.



NGAU BOON KEAT

*Chairman and Group Managing Director
Pengerusi dan Pengarah Urusan Kumpulan*